



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 30 NOVEMBER 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **2,112 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **54,759 kes** (83.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 30 November 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu yang lebih rendah berbanding bilangan kes sembuh iaitu sebanyak **1,212 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia

sebanyak **65,697 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 10,578 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat sembilan (9) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala 1,203 kes pula adalah merupakan penularan COVID-19 dalam negara.

Negeri Selangor melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak **402 kes (33.2 peratus)**, di mana **308 kes (76.6 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang giat dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sabah sebanyak **326 kes (26.9 peratus)** dan Negeri Sembilan sebanyak **141 kes (11.6 peratus)**.

Sebanyak **101 kes (8.3 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara yang membabitkan Kluster PTS Sibuga (65 kes), Kluster Tembok (23 kes), Kluster PTS Tawau (8 kes), Kluster Matambai (3 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (1 kes), dan Kluster Penjara Sandakan (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **113 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **42 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **tiga (3) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **360 kes (0.55 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
358	25507	Kedah	Lelaki (WN)	66	Hospital Sultanah Bahiyah	Penyakit bawaan darah dan rendah imuniti
359	49644	WP Labuan	Lelaki (WN)	58	Hospital Labuan	Penyakit darah tinggi dan gout
360	56760	Sabah	Lelaki (WN)	22	Hospital Lahad Datu	Penyakit darah tinggi dan buah pinggang kronik

\*WN merujuk kepada warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Sehingga 30 November 2020, terdapat sebanyak **362 kluster** telah dilaporkan termasuk **tiga (3) kluster** baharu yang dilaporkan pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **181 kluster** termasuk **lima (5) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Sofi, Kluster Penjara Tapah, Kluster Kapor, Kluster Jambu dan Kluster Meldrum. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **181 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **41 kluster** melaporkan pertambahan kes. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Perigi (153 kes)**, **Kluster Bintang (71 kes)** dan **Kluster Cergas (66 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **tiga (3) kluster** baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

### **1. KLUSTER JALAN LAPAN**

Kluster ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor dan daerah Cheras, Kepong, Titiwangsa, dan Lembah Pantai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks (iaitu kes ke-59246) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 25 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 30 November 2020, sejumlah 306 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **2. KLUSTER BATU SEMBILAN**

Kluster ini melibatkan daerah Kuala Langat, Klang, Petaling dan Kuala Selangor di Selangor. Kes indeks (iaitu kes ke-58486) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 24 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 30 November 2020, sejumlah 83 individu telah disaring, di mana **19 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 3. KLUSTER NIBONG

Kluster ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks (iaitu kes ke- 63151) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 28 November 2020 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 30 November 2020, sejumlah 152 individu telah disaring, di mana **10 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan

dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

30 November 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 30 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	326	28,771
<b>SELANGOR</b>	402 (4)	13,935
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	119 (5)	6,206
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	141	4,915
<b>KEDAH</b>	31	2,563
<b>PULAU PINANG</b>	60	2,088
<b>PERAK</b>	43	1,785
<b>JOHOR</b>	54	1,379
<b>W.P. LABUAN</b>	30	1,356
<b>SARAWAK</b>	2	1,064
<b>PAHANG</b>	2	403
<b>MELAKA</b>	0	387
<b>KELANTAN</b>	1	360
<b>TERENGGANU</b>	0	237
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	1	205
<b>PERLIS</b>	0	43
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,212 (9)</b>	<b>65,697</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import



## LAMPIRAN 2

**Perincian 1,212 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 30 November 2020 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 402 kes**
  - 213 kes daripada kluster-kluster, termasuk sembilan (9) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Lapan dan Kluster Batu Sembilan**;
  - 95 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Empat (4) kes import dari luar negara; dan
  - 90 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sabah: 326 kes**
  - 111 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 146 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 69 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Negeri Sembilan: 141 kes**
  - 125 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 119 kes**

- 94 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Lapan**;
  - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Lima (5) kes import dari luar negara; dan
  - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 60 kes**
    - 52 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 54 kes**
    - 35 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Nibong**;
    - 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 43 kes**
    - 42 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
    - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Kedah: 31 kes**

- 24 kes daripada kluster sedia ada;
  - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: 30 kes**
    - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sarawak: Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Satu (1) kes** daripada kluster sedia ada.